



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM MADA
AGRICULTURAL SERVICE PROVIDER (MASPRO)**

**10 OGOS 2022 (RABU)
3.00 PETANG**

KLUSTER AGRO LIFESTYLE, DEWAN D-2

RUJUK SALUTASI FINAL DI LAPANGAN

Selamat Petang dan Salam Sejahtera Keluarga Malaysia,

1. Terlebih dahulu, saya zahirkan rasa syukur kerana dapat sama-sama hadir ke **Majlis Pelancaran Program MADA Agricultural Service Provider (MASPRO)** pada hari ini.
2. Dikesempatan ini juga, saya merakamkan setinggi-tinggi **penghargaan dan terima kasih kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)** yang sudi menjemput saya untuk bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan di **Kluster Agro Lifestyle**.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. **Usaha pemodenan sektor agromakanan** adalah fokus utama **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)** dalam mentransformasikan sektor agromakanan negara di bawah **Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)** yang memfokuskan pendekatan baharu berdasarkan teknologi moden dan pembangunan mampan selaras dengan **Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0)** dan **Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030**.
4. Sesungguhnya, usaha berterusan MAFI ini akan **meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara** di samping memacu pertumbuhan ekonomi demi menjamin kesejahteraan Keluarga Malaysia.
5. Dalam hal ini, **semua pemain industri yang terlibat dalam industri padi dan beras** memainkan peranan penting dalam memastikan **penggunaan teknologi dapat diadaptasi ke arah peningkatan produktiviti hasil padi di Kawasan Muda**.
6. Dianggarkan seramai hampir **3,000 orang pembekal perkhidmatan mekanisasi dan automasi yang berdaftar** telah dan sedang memainkan peranan yang penting dalam usaha memperluaskan penggunaan mekanisasi dan automasi di Kawasan Muda.
7. **Pembekal perkhidmatan mekanisasi dan automasi** ini berperanan penting dalam menyokong aktiviti penanaman padi bermula dari fasa awal penanaman sehingga ke fasa terakhir iaitu pengurusan tuaian.
8. Justeru itu, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah memulakan **inisiatif** untuk menubuhkan **kumpulan pembekal perkhidmatan di Kawasan Muda** atau **MADA Agricultural Service Provider (MASPRO)** bagi melahirkan **pembekal perkhidmatan mekanisasi dan automasi yang profesional, bertauliah serta moden**.

9. Usaha ini juga menjadi salah satu alat jaringan ***Government to Business (G2B)*** yang dapat diaplikasikan di Kawasan Muda. G2B secara umumnya adalah salah satu model ***E-Government*** yang digunakan sebagai platform capaian maklumat setempat dan membolehkan komunikasi melalui platform digital.
10. Penubuhan MASPRO ini selaras dengan usaha MADA untuk memastikan peratusan pengeluaran beras negara dapat ditingkatkan melebihi **40 peratus dengan purata hasil kasar padi sebanyak 6.7 tan per hektar pada tahun 2025** sekaligus menyokong usaha Kerajaan dalam mencapai sasaran **75 peratus SSL pengeluaran beras negara** menjelang tahun 2025.
11. Melalui kursus dan program bimbingan MASPRO berkaitan mekanisasi dan automasi, diharap inisiatif ini juga akan membantu **pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)** di Kawasan Muda bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran padi dan beras negara.
12. Semoga dengan usaha yang murni ini, MAFI bersama-sama dengan MADA akan dapat terus memacu sektor pertanian di Kawasan Muda **ke arah yang lebih sistematis, moden dan cemerlang agar sekuriti makanan negara sentiasa terjamin.**
13. Dengan itu, saya dengan sukacitanya melancarkan **Program MADA Agricultural Service Provider (MASPRO)** di MAHA 2022.

Terima kasih.